

Makanan 'Berangin' dan 'Berbisa' dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkusitif

The Gassy and Sharp Food in Malay Proverbs: An Inquisitive Semantic Analysis

JULAINA NOPIAH, NOR HASHIMAH JALALUDDIN & JUNAINI KASDAN

ABSTRAK

Gastronomi ialah pengkajian berkaitan dengan makanan dan amalan pemakanan yang baik (good eating). Makanan bukan sahaja penting untuk hidup, tetapi turut mempunyai pengaruh dalam menyampaikan mesej yang jelas. Dalam konteks budaya Melayu, elemen yang terdapat dalam gastronomi jelas dapat dilihat dalam peribahasa Melayu. Tumpuan analisis ini adalah peribahasa yang menunjukkan pengaruh makanan yang berunsur sejuk dan bisa. Contohnya, labu mewakili makanan berunsur angin dan keli mewakili makanan berunsur bisa. Data peribahasa Melayu dikumpulkan daripada pangkalan data www.malaycivilization.com UKM dan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu. Kajian ini menerapkan pendekatan rangka rujuk silang (RRS) dan semantik inkusitif dalam penganalisan data. Data yang diperoleh diperkukuh dengan hasil janaan data korpus yang menunjukkan persamaan antara konsep dan ciri-ciri yang dibawa oleh makanan yang berunsur 'angin-bisa' khususnya yang berkaitan tingkah laku penuturnya. Hasil kajian mendapati peribahasa berkaitan makanan berunsur angin seperti labu mempunyai tingkah laku 'sombong' dan 'bermegah'. Sementara makanan berunsur bisa seperti ikan keli menunjukkan tingkah laku 'merungut-rungut' dan 'curang'. Kajian berlandaskan korpus dan semantik inkusitif ini telah berjaya membuktikan bahawa wujudnya hubungan antara makanan dan rupa objek dengan unsur-unsur makanan, khususnya unsur angin dan bisa. Gabungan data, teori, falsafah dan budaya telah dapat menghasilkan huraian makna dalam peribahasa Melayu, yang akhirnya mencerminkan akal budi penuturnya, khususnya berkaitan gastronomi Melayu.

Kata kunci: Peribahasa; makanan; angin; bisa; semantik inkusitif

ABSTRACT

Gastronomy is a study about food and good eating habits. Food is not only essential to life, but it also plays a significant role in delivering a salient message. In the context of Malay culture, the elements embodied in the gastronomy can be clearly observed in the Malay proverbs. This study is focusing on the Malay proverbs representing food with gassy (angin) and sharp (bisa) elements. For example, a pumpkin is categorized as food with gassy element, meanwhile catfish is considered as food with sharp element. Data on Malay proverbs are collected from UKM database (www.malaycivilization.com) and 'Kamus Istimewa Peribahasa Melayu'. The analysis is couched in bridging cross-reference and inquisitive semantic approaches. The given data are further supported with corpus data illustrating the similarity between the concepts and characteristics of food with gassy-sharp elements and the speakers' character. The findings show that the Malay proverbs containing food with gassy element like pumpkin demonstrates the temperament of being arrogant and pretentious. While food with sharp element like catfish demonstrate the negative behaviour such as grumbling and cheating. It is apparent that the corpus and inquisitive approach has successfully proved the relation between food and the object's appearance with the food's characteristics, particularly for gassy and sharp food. The combination of data, theory, philosophy and culture has successfully captured the description of the meaning of Malay proverbs, which ultimately reflects the mind of the speakers, especially in relation to Malay gastronomy.

Keywords: Proverbs; food; gassy; sharp; inquisitive semantics

PENGENALAN

Pengkajian terhadap makanan merupakan salah satu cara untuk memahami sesuatu budaya dan sejarah dalam masyarakat. Kajian perihal perkaitan antara makanan, pemakanan, dan budaya dalam sesebuah masyarakat sebenarnya telah bermula seawal abad

ke-19. Kajian Mallery, G (1888), Smith, W.R (1889) dan Audrey Richards (1939) misalnya, telah menjadi perintis kepada pembuktian bahawa makanan memainkan peranan dalam kehidupan, sekali gus mewarnai budaya masyarakat. Mengikut definisi yang diberikan oleh *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), budaya membawa tiga maksud

yang berbeza. Pertama, budaya bermaksud tamadun dan peradaban; kedua budaya adalah kemajuan fikiran atau akal budi, iaitu cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya dan maksudnya yang ketiga ialah bersifat budaya yang mempunyai kebudayaan atau yang sudah maju daripada sudut akal budi. Dalam konteks kajian ini, penulis akan mengambil definisi kedua yang diberikan bagi menghuraikan pemakanan masyarakat Melayu pada masa dahulu.

Makanan mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan manusia, terutamanya dalam menjelaskan identiti sesuatu budaya. Perkaitan antara makanan dengan sesuatu penyakit turut dikaitkan dengan budaya (Aishah Mohamed & Abd Aziz 2010). Makanan juga dianggap penting dalam menyatakan identiti sesuatu masyarakat (Ahmad Hakimi & Wan Abdul Kadir 2006). Secara konseptualnya, makanan merupakan sebahagian daripada jaringan budaya (*web of culture*). Melalui jaringan ini, makanan bukan sahaja dikaitkan dengan aspek biologi, sosial, ekonomi atau politik, tetapi turut dikaitkan dengan dimensi simbolik (Geertz 1973). Dimensi simbolik pula melambangkan corak hubungan antara mereka yang terlibat dan juga isu-isu moral, kepercayaan, nilai, norma, status dan identiti. Selain itu, makanan juga menjadi medium dalam perhubungan dan komunikasi antara manusia, yang merupakan sebahagian daripada ilmu gastronomi (Khalila & Faizal 2016).

Peranan makanan sebagai wahana dalam perhubungan boleh dilihat menerusi rangkaian kata dalam peribahasa. Peribahasa termasuk dalam bahasa kiasan yang mengandungi makna tersirat, wujud kerana masyarakat Melayu mahu menyampaikan sesuatu makna secara analogi atau perbandingan (Junaini et.al 2016). Di samping itu, penciptaan peribahasa memperlihatkan fungsi “kebijaksanaan masyarakat”, dalam memberikan nasihat secara umum dan khusus melalui makna yang tersurat dan tersirat tentang cara untuk bertindak dan hidup bermasyarakat (Zaitul Azma 2017). Peribahasa juga merupakan salah satu wadah bagi masyarakat Melayu berkomunikasi. Melalui komunikasi, mereka mampu menyampaikan pesanan dan mesej tertentu. Di dalam peribahasa pula, tercatat pelbagai falsafah seandainya diamati dengan teliti. Setiap objek yang terkandung dalam peribahasa Melayu bukannya bersifat sewenang-wenang, tetapi mempunyai falsafah yang tersendiri. Perkaitan antara objek dan makna dalam penciptaan sesuatu peribahasa didasari oleh pelbagai disiplin ilmu. Satu daripada objek yang terdapat dalam peribahasa Melayu ialah makanan. Boleh dikatakan hubungan makanan dan pemakanan dengan setiap masyarakat adalah

bersifat relatif. Amalan pemakanan antara sesuatu budaya dan masyarakat, berbeza antara satu sama lain. Hubungan antara pemakanan dan Masyarakat Melayu boleh dilihat melalui pengaruhnya dalam ungkapan peribahasa.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Ilmu pengetahuan merupakan inti pati utama bagi pembangunan sesuatu bangsa (Zurakintan & Che Ibrahim 2015). Salah satu bentuk ilmu pengetahuan yang memaparkan pembangunan dalam pemikiran masyarakat Melayu ialah melalui penciptaan peribahasa. Nilai yang terpancar dalam peribahasa Melayu, memangkin variasi dalam kajian peribahasa. Peribahasa Melayu bukan sahaja dapat menunjukkan kehebatan orang Melayu dalam berbahasa, tetapi turut menunjukkan kebijaksanaan serta pengamatan yang tinggi terhadap sesuatu kejadian yang berada di sekeliling mereka. Melalui intipati kajian-kajian lepas, penulis mengkategorikan kajian lepas kepada tiga kelompok utama, iaitu kajian deskriptif, kajian kognitif, dan kajian akal budi Melayu. Kajian bersifat deskriptif pernah dilakukan oleh Abdullah (1993), Indirawati (1998), Nathesan, S. (1998), Salinah (2005), Goddard, C. (2009) dan Ahmad Fuad & Zaitul Azma (2010). Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini dikelaskan sebagai kajian berbentuk deskriptif kerana pengkaji hanya menjelaskan secara deskriptif bentuk-bentuk peribahasa, serta membincangkan peribahasa pada peringkat permukaan sahaja. Pengkategorian ini juga berasaskan sifat kajian yang tidak menyentuh tentang teori, bahkan tidak berlandaskan teori atau pendekatan tertentu.


Kesan perkembangan bahasa menyebabkan pengkaji sudah mula membuat perbezaan dalam ruang penelitian kajian yang berkisarkan bahasa. Kajian dalam kategori ini dilihat telah menerapkan elemen pemikiran dalam penelitian mereka. Pengkaji-pengkaji ini bukan sahaja terdiri daripada sarjana dalam negara tetapi juga dari luar negara. Antaranya ialah Charteris Black (2000), Imran Ho (2011), Zaitul Azma & Ahmad Fuad (2011), Rogayah (2011) dan Hasmidar & Jafizah (2016).

Senario kajian yang kian berubah mengikut peredaran masa sedikit sebanyak mengubah persepsi terhadap kajian peribahasa Melayu. Ketersiratan makna sesuatu peribahasa bukan sahaja dilihat menerapkan elemen pemikiran, sebaliknya dapat mencungkil falsafah dan akal budi penciptaan sesuatu peribahasa. Kajian akal budi Melayu merupakan

kajian yang menentengahkan elemen pemikiran dan akal budi dalam kajiannya. Kajian Hassan Ahmad (2003) dan Nor Hashimah (2014) dilihat telah membuat inovasi kepada kajian kognitif dengan menggabungkan konsep akal budi dalam kajian yang dilakukan.

METODOLOGI KAJIAN


Berdasarkan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (1975) dan laman web *malaycivilization.ukm.my*, sebanyak 7.7 peratus daripada kandungan keseluruhan peribahasa adalah mengandungi makanan sebagai objek perlambangan. Daripada lebih kurang 600 jumlah data peribahasa yang berobjek makanan Melayu, penulis membahagikan data kepada makanan yang mempunyai unsur makanan dalam pemakanan Melayu. Daripada jumlah itu, sebanyak 500 peribahasa yang telah dikenal pasti mengandungi enam unsur dalam makanan Melayu iaitu sejuk, panas, berangin, tajam, bisa dan gatal. Rajah 1 menunjukkan jumlah dan peratusan peribahasa Melayu yang berobjek makanan Melayu. Berdasarkan rajah 1 tersebut, sebanyak 187 peribahasa (38.0%) mengandungi objek makanan berunsur panas. Sebanyak 107 (21.0%) pula adalah daripada unsur sejuk, manakala sebanyak 88 (18.0%) mengandungi makanan berangin sebagai objek perlambangannya. Selain objek makanan berunsur panas, sejuk dan berangin, peribahasa Melayu turut mengandungi objek makanan berunsur tajam, gatal dan bisa. Sebanyak 61 (12.0%) peribahasa dikenal pasti mengandungi objek makanan berunsur tajam, 40 (8.0%) peribahasa berobjek makanan berunsur gatal, manakala 16 (3.0%) selebihnya, dikenal pasti mengandungi makanan berunsur bisa sebagai objek perlambangannya.



RAJAH 1. Peratus peribahasa mengikut unsur makanan

Kajian ini memanfaatkan pendekatan semantik inskuisitif sebagai asas perbincangan. Pada peringkat permulaan, pengkaji terlebih dahulu membuat padanan antara objek peribahasa dengan makna terasnya atau makna harfiahnya. Padanan ini seterusnya dapat merangsang persoalan, iaitu mengapa objek pemakanan yang berkenaan digunakan bagi menyampaikan mesej tertentu? Persoalan yang muncul menjadi teras pengaplikasian pendekatan semantik inskuisitif. Dalam kajian ini tataraca pada tahap ini disebut sebagai analisis tahap 1. Analisis pada tahap ini dikategorikan sebagai analisis tahap skrip. Pendekatan semantik inskuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Bagi menghuraikan makna peribahasa dengan lebih lanjut, peribahasa yang berkaitan akan dianalisis menggunakan rangka rujuk silang (RRS) dalam Teori Relevans. Pemetaan RRS terhadap data korpus perlu dilakukan bagi memperoleh bukti linguistik serta membantu memberikan penjelasan yang baik terhadap maksud yang tersirat dalam sesuatu peribahasa yang dianalisis. Peringkat analisis ini disebut sebagai analisis tahap 2. Pada tahap ini persoalan mengapa masyarakat Melayu menggunakan objek tertentu yang disesuaikan dengan maksud yang tersirat dapat dijelaskan. Analisis tahap ini dikenali sebagai analisis tahap kognitif. Selanjutnya, bagi mencapai tahap semantik inskuisitif, analisis perlu dilanjutkan dengan mencari falsafah dan akal budi daripada pemilihan objek makanan dalam peribahasa yang dikaji. Akal budi merujuk kepada kebijaksanaan hasil daripada sebuah pemikiran yang dimiliki oleh individu atau kelompok masyarakat yang dimanfaatkan untuk tujuan kebaikan (Junaini 2017). Menurut Nor Hashimah (2014), akal budi bukan sahaja bermaksud mempunyai akal secara lahiriah, tetapi mampu menggunakan akal, berfikiran waras, rasional dalam menuturkan bahasa dan bijak mengungkapkan makna. Huraian pada tahap ini memerlukan penerokaan dalam bidang-bidang lain yang berkaitan dan dilakukan secara mendalam. Peringkat analisis ini disebut sebagai analisis tahap 3.

Rajah 2 yang berikut menunjukkan carta aliran tahap yang terlibat dalam proses penganalisisan data menggunakan pendekatan semantik inskuisitif, seperti yang dikemukakan oleh Nor Hashimah (2014).



RAJAH 2. Aliran proses penganalisisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif

PENDEKATAN SEMANTIK INKUISITIF

Semantik inkuisitif merupakan satu pendekatan yang diteroka bagi mengaitkan antara bahasa, budaya, kognitif dan akal budi Melayu. Semantik pada tahap ini menumpukan kepada persoalan mengapa sesuatu pola bahasa diguna pakai sehingga boleh menjawab kepada falsafah penggunaannya (Nor Hashimah 2014). Justeru, gagasan utama semantik inkuisitif ialah meneroka makna ujaran tanpa meninggalkan falsafah dan akal budi penuturnya. Analisis semantik inkuisitif bukan sahaja menggunakan bukti linguistik, seperti korpus untuk menghuraikan ketersiratan makna tetapi juga memanfaatkan ilmu-ilmu lain bagi mendapatkan jawapan ‘mengapa’, ‘mengapa’ dan ‘mengapa’ yang menjadi asas pendekatan ini.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, penulis membataskan ruang lingkup kajian kepada dua analisis perbincangan, iaitu makanan berunsur angin dan bisa. Untuk mengawal skop kajian agar lebih jelas dan terperinci, setiap bahagian analisis dan perbincangan akan menumpukan kepada satu makanan sahaja yang merupakan objek dalam peribahasa Melayu. Hal ini adalah untuk mengelakkan percanggahan serta kelewahan data yang menyebabkan kajian menjadi kurang bermutu serta hasil kajian boleh dipertikaikan. Hasil daripada pemerhatian terhadap data kajian, sebanyak dua makanan akan difokuskan dalam ruangan ini, iaitu ‘labu’ mewakili makanan berunsur angin dan ‘ikan keli’ mewakili makanan bisa.

LABU MAKANAN BERUNSUR ANGIN

Makanan berangin lazimnya dikaitkan dengan masalah kembung perut. Apabila seseorang itu mengalami sakit perut, selalunya akan dikaitkan dengan sifat pemakanan yang tidak betul. Selain tidak menjaga masa makan dengan betul, masyarakat Melayu akan mengaitkannya dengan makanan berangin. Pengambilan makanan berangin akan memberikan kesan tidak baik terhadap kesihatan pemakannya. Lebih teruk lagi, jika seseorang itu penghidap penyakit ulu hati yang juga dikaitkan dengan kesalahan dalam memilih makanan. Secara sainsnya, kembung perut terjadi apabila gas berlebihan di dalam perut dan juga usus. Kembung selalunya terjadi apabila penderita menelan banyak angin. Di samping itu kembung juga boleh terhasil daripada bakteria usus yang menghasilkan gas karbon dioksida dan hidrogen akibat daripada pemecahan karbohidrat dan protein. Selain kembung perut, pengambilan makanan berangin ini juga turut menyebabkan seseorang itu kerap sendawa, pening dan mual, senak perut dan juga cirit birit.

Labu merupakan sejenis sayuran yang tidak asing bagi masyarakat Melayu. Labu memiliki kandungan antioksidan yang tinggi dan vitamin untuk kesihatan. Labu juga mengandungi kandungan kalori yang rendah serta diperkaya dengan kandungan vitamin A, flavonoid polifonelik antioksidan seperti *leutin*, *xanthin* dan *karoten* (Iskandar 2015). Labu adalah daripada keluarga *Cucurbitaceae* (Acquaah, G. 2012). Secara umumnya, labu mempunyai pelbagai variasi bentuk dan ukuran. Sebiju labu, lazimnya mempunyai ukuran antara empat hingga enam kilogram tetapi mampu mencapai hingga 25 kg (Faszly et al. 2017). Rasa labu yang enak, membuatkan masyarakat Melayu mempelbagaikan variasi masakannya. Labu boleh dimasak lemak, dibuat kuih-muih serta boleh dijadikan sebagai pengat. Selain khasiat dan kelazatan labu sebagai sayur, kuih-muih dan pengat, pucuk labu dan biji labu turut memiliki fungsinya yang tersendiri. Pucuk labu juga boleh dijadikan sayur, manakala biji labu yang dipanggang boleh dimakan sebagai kuaci (Esbaum, J. 2009). Jadual 1 merupakan peribahasa Melayu yang berobjekkan ‘labu’.

JADUAL 1. Peribahasa berobjekkan ‘labu’

Peribahasa	Makna
Lonjak sebagai labu dibenam	Sombong, angkuh
Seperti labu dibenam	Sangat congkak
Beranak kandung, beranak tiri: ada bersudu daun labu, ada bersudu daun lalang.	Sikap yang tidak adil

Analisis Tahap 1

Pengelasan makanan kepada beberapa kategori, seperti makanan berangin banyak mempengaruhi kehidupan, terutamanya yang melibatkan pantang larang dalam pemakanan. Pembahagian kelas makanan ini adalah berdasarkan jenis makanan dan sebab pengambilannya. Masyarakat Melayu mengkategorikan makanan ini berdasarkan kesan makanan itu kepada badan. Lazimnya, makanan

sejuk juga dikatakan makanan berangin. Bagi masyarakat Melayu, sayur-sayuran yang bersifat menjalar dan memanjat turut dikelaskan sebagai makanan yang berangin. Labu, yang merupakan tumbuhan yang hidup secara menjalar dan memanjat (Ong Hean Chooi 2003) adalah salah satu makanan yang dikategorikan dalam kumpulan ini. Jadual 2 merupakan pengelasan saintifik bagi labu yang mengandungi maklumat famili, spesis, kelas dan lain-lain maklumat berkaitan tumbuhan ini.

JADUAL 2. Pengelasan saintifik labu

Alam	<i>Plantae</i>
Divisi	<i>Magnoliophyta</i>
Kelas	<i>Magnoliopsida</i>
Order	<i>Cucurbitales</i>
Famili	<i>Cucurbitaceae</i>
Genus	<i>Cucurbita</i>
Spesis	<i>Cucurbita maxima</i> <i>Cucurbita mixta</i> <i>Cucurbita moschata</i> <i>Cucurbita pepo</i>


Daripada keseluruhan data peribahasa yang digunakan, terdapat 17 peribahasa (3.4%) menjadikan labu sebagai objek perlambangannya. Jadual 1 merupakan data peribahasa yang mengandungi labu sebagai objek. Berdasarkan contoh yang terdapat dalam jadual 1, ketiga-tiga peribahasa yang berobjekkan labu mendukung makna negatif, yang kesemuanya terdiri daripada domain ‘sifat’. Peribahasa ‘lonjak sebagai labu dibenam’ membawa pengertian [+sombong] dan [+angkuh]. Peribahasa ‘seperti labu dibenam’ juga memberikan takrifan berkaitan sifat, iaitu merujuk kepada sifat ‘[+congkak]’. Selain daripada dua peribahasa ini, peribahasa yang menggunakan labu sebagai objek ialah ‘beranak kandung, beranak tiri: ada bersudu daun labu, ada bersudu daun lalang’. Dalam situasi ketiga-tiga contoh peribahasa ini, pengaruh ‘berangin’ yang terdapat dalam makanan telah dijelmakan melalui sifat negatif yang dibawa

oleh objek ‘labu’ yang terdapat dalam peribahasa. Memakan makanan yang ‘berangin’ dipercayai boleh mendatangkan kemudaratan daripada segi kesihatan. Makanan berangin boleh menyebabkan seseorang itu kembung perut, senak perut, sakit kepala, lemah badan serta kesukaran untuk tidur (Shariffah Suraya 2013). Orang yang mengandungi banyak angin dalam badan dilarang memakan makanan yang ‘berangin’ kerana akan menyebabkan keadaan mereka bertambah buruk. Persamaan daripada sifat yang ‘memudaratkan’ ini telah digambarkan sebagai sifat yang tidak baik, seperti ‘angkuh’, ‘sombong’ dan ‘tidak adil’ dalam peribahasa.

Analisis Tahap 2

Berdasarkan penelitian terhadap analisis pada tahap 1, jelas menunjukkan keserasian ciri-ciri makanan yang menjadi objek, dengan ciri-ciri yang dibawa dalam

makna harfiah peribahasa tersebut. Ciri-ciri negatif yang ada pada 'labu' (makanan yang berangin), mempengaruhi makna harfiah dalam peribahasa, iaitu melalui sifat-sifat negatif yang didukungnya. Bagi tujuan analisis, perbincangan yang lebih lanjut dalam ruangan ini akan memfokuskan peribahasa 'lonjak sebagai labu dibenam'. Secara harfiahnya, peribahasa ini membawa makna 'sombong dan angkuh'. Rajah 3 yang berikut merupakan gambaran yang lebih jelas tentang proses yang memotivasikan kognitif penutur Melayu dalam mencipta peribahasa ini.



RAJAH 3. Gambaran proses kognitif peribahasa 'lonjak sebagai labu dibenam'

Berdasarkan gambar rajah 3, terdapatnya beberapa proses kognitif yang memotivasikan sesuatu elemen dalam peribahasa 'sebagai labu dibenam'. Pertama, adalah berdasarkan penggunaan leksikal 'lonjak'. Berdasarkan maknanya, perkataan lonjak bolehlah didefinisikan sebagai perbuatan melompat ke atas (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Dalam hal ini, gabungan leksikal 'lonjak' dan 'labu dibenam' membawa kepada perumpamaan orang yang sombong dan angkuh. Dalam peribahasa ini, pemikir Melayu telah memilih beberapa ciri tertentu yang terdapat dalam domain sasaran sebagai bahan perbandingan dan perumpamaan. Secara morfologinya, pokok labu daripada kategori pokok yang memanjat dan menjalar. Struktur fizikal labu boleh dikatakan agak sempurna dan cantik. Terdapat pelbagai variasi saiz dan bentuk buah ini iaitu berbentuk botol, bujur dan memanjang, serta ada yang berbentuk bulat. Kulit buahnya ada yang tebal dan keras, dan ada juga yang nipis dan lembut. Warna kulit labu kebiasaannya berwarna hijau, sebelum berwarna kekuning-kuningan apabila sudah masak. Bahagian isinya pula berwarna kuning cair apabila masih muda, dan bertukar ke kuning gelap apabila sudah masak.

Dalam hal ini, maksud keseluruhan peribahasa dibayangkan melalui ungkapan keseluruhan peribahasa. Penilaian pertama boleh dilihat melalui sifat dan habitatnya yang merupakan sejenis pokok menjalar yang mempunyai sulur paut. Berdasarkan ciri-ciri pokok ini, buah labu juga akan membesar sejajar dengan pokoknya yang tumbuh menjalar dan merayap di atas tanah. Penilaian kedua adalah berdasarkan fizikal buah labu itu sendiri. Bentuk labu yang menarik daripada segi bentuk dan warnanya yang kekuning-kuningan boleh dianggap sebagai buah yang sempurna daripada rupa fizikalnya. Penilaian ketiga boleh dilihat melalui leksikal 'tenggelam' yang terdapat dalam peribahasa. Leksikal tenggelam yang digunakan secara tidak langsung menunjukkan ciri-ciri kedudukan buah labu yang berada di bawah serta tidak menampakkan diri. Gabungan satu demi satu penilaian kognitif yang dibuat, menyebabkan perbuatan 'lonjak' yang digunakan dalam peribahasa tersebut digambarkan sebagai sifat sombong dan angkuh. Pemerhatian oleh masyarakat Melayu pada masa dahulu terhadap kesemua fenomena ini, telah menyebabkan mereka menggagaskan peribahasa 'lonjak sebagai labu dibenam' sebagai sifat angkuh dan sombong.

Berikut merupakan contoh penggunaan leksikal 'labu', hasil daripada janaan data korpus dan seterusnya diaplikasikan melalui pemetaan RRS bagi menunjukkan perujukan leksikal tersebut.

- (i) Sebaliknya sebagai melukiskan manusia yang angkuh dan sombong diambil perumpamaan kepada buah ***labu*** dan dikiaskan dalam pepatah adat...
- (ii) Buah ***labu*** yang begitu cantik Tuhan jadikan, tiba-tiba, kerana tikus punya pandai, jadi bengot-bengot rempok, dan isinya yang lemak manis pun boleh jadi busuk, masam, tidak boleh dibuat pengat

Sumber: (sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/)

Data korpus di atas merupakan pembuktian linguistik yang memperlihatkan penggunaan labu. Dalam konteks ini, dengan menggunakan rangka rujuk silang, labu yang digunakan dalam ayat (i) dan (ii) dapat menunjukkan keserasian antara 'labu' yang terdapat dalam ayat dengan pengaruh 'angin' yang merupakan ciri pengelasan makanannya.

Merujuk data korpus bagi ayat (i), tidak banyak usaha memproses diperlukan untuk memberikan kesan kognitif kepada pembaca kerana penulisnya memberikan secara langsung konsep yang hendak dirujuk terhadap leksikal 'labu' itu. Dalam hal ini, dengan menggunakan RRS, 'labu' dipetakan atau dirujusilangkan dengan leksikal 'angkuh' dan 'sombong'. Labu dikaitkan dengan sifat angkuh dan sombong kerana rupanya yang cantik tetapi 'keras'. Konsep 'labu' yang cuba disampaikan dalam ayat (i) dapat difahami dengan mudah, disebabkan kedua-dua leksikal yang dirujusilangkan adalah jelas dan nyata. Walau bagaimanapun, situasi ini berbeza dengan ayat (ii) yang menunjukkan cara orang Melayu menggambarkan *labu* menjadi ungkapan berbentuk pengajaran. Berdasarkan ayat (ii), leksikal cantik, tikus, bengot-bengot rempok, isinya yang lemak manis, busuk, masam dan tidak boleh dibuat pengat dirujusilangkan dengan leksikal 'labu'. Berdasarkan konteks ayat tersebut, leksikal 'cantik' dan ungkapan 'isinya yang lemak manis' menggambarkan ciri-ciri semula jadi buah labu. Walau bagaimanapun, leksikal busuk, masam serta ungkapan 'bengot-bengot rempok' dan 'tidak boleh dibuat pengat' merupakan ciri-ciri buah labu setelah dirosakkan oleh tikus. Ayat (ii) membayangkan konsep pengajaran, yang jelas ditunjukkan melalui konsep yang dimiliki tidak semestinya bersifat kekal selamanya. Dalam konteks ini, sifat fizikal yang cantik dan menarik yang dianalogikan melalui buah labu, telah menjadi buruk dan tidak berguna hanya disebabkan kehadiran haiwan perosak, iaitu tikus.

Analisis Tahap 3

Berdasarkan penghuraian dalam analisis tahap 1 dan tahap 2, perkara yang menunjukkan akal budi orang Melayu adalah melalui pemilihan objek berdasarkan cara mereka menggagaskan objek yang bersifat konkrit berdasarkan pengamatan terhadap kejadian yang ada di sekeliling mereka. Jika diperhatikan, ungkapan dalam peribahasa yang berobjekkan 'labu', jelas menunjukkan buah labu telah digagaskan sebagai sifat negatif. Sifat buah labu yang cantik daripada segi rupa fizikalnya serta enak dimakan, menyebabkan buah ini diperikan sebagai sifat sombong dan angkuh dalam perumpamaan. Hal yang cuba digambarkan oleh masyarakat Melayu pada masa dahulu adalah di sebalik sesuatu yang indah itu, ada yang tidak elok di sebaliknya. Begitu juga halnya dengan konsep pemakanan. Walaupun buah labu ini sangat

sedap ketika dijadikan sayur, kuih-muih mahupun pengat, namun labu juga mengandungi kemudaratan yang tersendiri. Bagi masyarakat Melayu, sayuran jenis menjalar seperti labu, petola, bayam merah, kacang panjang, timun dan kacang botol dianggap sebagai makanan yang sejuk dan berangin (Anisah 2007). Makanan ini menjadi larangan kepada wanita selepas bersalin dan terhadap individu yang menghidap penyakit angin dalam badan. Makanan ini dilarang kerana boleh menyebabkan sakit tulang dan sejuk otot serta lemah sendi. Penyakit-penyakit tersebut diketahui telah banyak berleluasa di barat dan dikenali sebagai artritis dan reumatisme (Anisah 2007).

Makna yang terkandung dalam peribahasa 'seperti labu dibenam' dan 'lonjak sebagai labu dibenam' merujuk kepada sifat labu yang angkuh dan sombong. Di sebalik penciptaan peribahasa ini, terdapat falsafah yang cuba disampaikan oleh masyarakat Melayu pada masa dahulu. Dalam kehidupan, tidak ada sesuatu yang dimiliki bersifat kekal. Begitu juga dengan kelebihan diri, seperti kecantikan yang sering menjadi kebanggaan sehingga mendatangkan sifat sombong dan angkuh bagi sesetengah individu. Segala yang dimiliki di dunia ini hanyalah perhiasan di dunia, seperti yang terkandung di dalam surah al-Qasas ayat 60, yang maksudnya:

Dan apa jua (harta benda dan lain-lainnya) yang diberikan kepada kamu, maka adalah ia merupakan kesenangan hidup di dunia dan perhiasannya; dalam pada itu, apa jua yang ada di sisi Allah (yang disediakan untuk orang-orang yang beriman dan taat) adalah ia lebih baik dan kekal; maka mengapa kamu tidak mahu memahaminya?

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT mengingatkan bahawa segala yang dikurniakan oleh-Nya di dunia ini hanyalah sebagai perhiasan semata-mata. Hal ini meliputi segala yang dimiliki, termasuklah rezeki, paras rupa dan segala nikmat yang lain. Oleh yang demikian, manusia tidak seharusnya bermegah-megah dengan nikmat yang dikurniakan sehingga mendatangkan sifat sombong dan angkuh dalam diri. Begitu juga halnya, dengan gagasan labu dalam peribahasa Melayu, secantik-cantik labu, seenak-enak rasanya, tetap akan hodoh dan rosak juga rasanya jika dimusnahkan oleh haiwan perosak. Analisis tahap 3 soalah-olah pandangan penulis sendiri, di mana inkuisitifnya?

KELI MAKANAN BERBISA

Dalam masyarakat Melayu, selain makanan yang berunsur panas, sejuk, berangin dan tajam, terdapat makanan yang dikategorikan sebagai makanan berunsur bisa. Makanan bagi kategori ini lazimnya bergantung kepada kesihatan seseorang individu. Terdapat individu yang boleh memakan makanan yang berunsur bisa tanpa memberikan kesan terhadap tubuh badan pemakannya. Sesuatu makanan dianggap berunsur bisa pada konteks tertentu dan juga terhadap individu tertentu. Dalam situasi tertentu, makanan yang dikategorikan sebagai makanan berangin, tajam dan gatal turut dikatakan sebagai makanan dalam kelompok bisa. Umumnya, makanan tersebut dikatakan bisa apabila boleh bertindak balas dalam diri seseorang yang telah mempunyai penyakit tertentu, contohnya, memakan makanan daripada kategori makanan berangin akan menjadi bisa dan memudaratkan bagi individu yang mempunyai kandungan angin dalam badan. Bagi masyarakat Melayu, makanan seperti pulut, pucuk paku, limau nipis dan mangga juga antara makanan yang dikategorikan sebagai makanan berunsur bisa (Shariffah Suraya 2013; Che Wan Jasimah 2000). Selain itu, ikan yang mempunyai duri dan sengat seperti ikan keli, ikan pari, ikan sembilang, ikan puyu ikan duri dan ikan

belukang juga dikategorikan sebagai makanan berbisa bagi masyarakat Melayu. Makanan jenis berbisa dipercayai tidak boleh dimakan oleh wanita yang baru melahirkan kerana akan menyebabkan turun darah dan bentan (Anisah Barakbah 2007). Berdasarkan data kajian, didapati sebanyak 16 (3.0%) peribahasa didapati menggunakan unsur makanan 'berbisa' sebagai objek perlambangan. Dalam ruangan ini, pengkaji memfokuskan 'ikan keli' bagi tujuan penganalisan data.

Ikan keli merupakan sejenis ikan yang mempunyai taburan yang cukup luas di Malaysia (A.K Mohammad & Mohd. Azmi 2015). Umumnya, ikan keli sering didapati di kawasan sawah padi atau kawasan yang berpaya, selain di kolam, sungai, longkang dan bekas lombong. Ikan keli merupakan sejenis ikan yang enak dimakan. Bagi masyarakat Melayu, ikan keli akan dimasak gulai lemak, disalai, digoreng, dimasak sambal serta boleh juga dimasak asam. Walaupun ikan keli sedap dijadikan hidangan, namun ikan ini dianggap bisa bagi masyarakat Melayu. Oleh kerana sifatnya yang bisa, sesetengah individu dilarang dan kurang digalakkan untuk memakannya disebabkan boleh mendatangkan kemudaratkan daripada segi kesihatan. Berdasarkan proses pencarian data, terdapat tiga peribahasa yang berobjekkan ikan 'keli'. Jadual 3 menunjukkan data peribahasa yang ditemui.

JADUAL 3. Peribahasa berobjekkan 'keli'

Peribahasa	Makna
Bagai keli kena ketuk.	Bersungut-sungut dengan tiada tentu hujung pangkalnya.
Keli dua selubang.	Seorang perempuan yang mempunyai kekasih dua orang.
Seperti keli dalam lubang.	Orang sentiasa bersungut.

Analisis Tahap 1

Ikan keli (*catfish*) mengandungi omega yang tinggi, menyebabkan ramai yang menggemari ikan air tawar ini. Mengikut pengelasan makanan yang dianjurkan, ikan keli merupakan makanan yang dikelompokkan dalam aras ketiga piramid pemakanan, iaitu dalam kategori protein. Walau bagaimanapun, selain kategori makanan berdasarkan anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia, masyarakat Melayu juga mengkelaskan makanan mengikut ciri-ciri tertentu. Pengkategorian makanan ini adalah berdasarkan pemerhatian masyarakat Melayu terhadap sesuatu makanan, serta

berdasarkan tindak balas secara langsung makanan tersebut terhadap tubuh badan mereka. Berdasarkan pencirian tersebut, ikan keli diklasifikasikan sebagai salah satu daripada makanan 'berbisa' dan dilarang untuk memakannya bagi individu-individu tertentu. Selain wanita yang baru melahirkan, wanita yang menyusukan anak juga tidak dibenarkan memakan ikan keli. Memakan ikan keli sewaktu menyusukan bayi boleh menyebabkan bayi tersebut terkena gatal-gatal (Che Wan Jasimah 2000). Jadual 4 menunjukkan klasifikasi ikan keli mengikut Weber, M & Beaufort, L. F. (1965).

JADUAL 4. Pengelasan saintifik ikan keli


Filum	<i>Chordata</i>
Kelas	<i>Pisces</i>
Ordo	<i>Ostariophysii</i>
Keluarga	<i>Clariidae</i>
Subordo	<i>Siluroidea</i>
Spesis	<i>Clarius batrachus</i>

Berdasarkan data yang diperoleh, sebanyak tiga (18.8%) daripada jumlah keseluruhan peribahasa dikenal pasti menjadikan ‘ikan keli’ sebagai pembayang atau objek dalam peribahasa. Berdasarkan Jadual 3, didapati ketiga-tiga peribahasa mencerminkan maksud yang tidak baik. Berdasarkan makna harfiah, ketiga-tiga peribahasa menggagaskan ikan keli sebagai sifat yang tidak baik, contohnya, ‘bagai keli kena ketuk’ dan ‘seperti keli dalam lubang’ yang membawa maksud [+merungut], manakala peribahasa ‘keli dua selubang’ membawa maksud [+curang]. Sifat suka merungut akan mendatangkan elemen negatif dalam diri, dan seterusnya memudaratkan kesihatan diri. Begitu juga dengan sifat curang yang ternyata boleh merosakkan serta menjadi pemusnah kepada sesuatu hubungan. Perkaitan antara sifat-sifat ini dilihat selari dengan unsur makanan yang dibawa oleh ‘ikan keli’ yang merupakan makanan berbisa, dan boleh mendatangkan kemudaratkan, khususnya kepada individu yang sedang mengalami masalah kesihatan.

Analisis Tahap 2

Analisis pada tahap ini akan melihat proses kognitif yang berlaku dalam pemikiran orang Melayu dahulu melalui penciptaan peribahasa yang berobjekkan keli. Berdasarkan analisis tahap 1, keserasian unsur makanan yang dibawa oleh keli, dilihat berdasarkan cara masyarakat Melayu menggagaskan makna yang tidak baik terhadap peribahasa yang berobjekkan ‘keli’. Gambaran sikap atau sifat yang tidak baik seperti dalam peribahasa ‘keli dua selubang’, ‘bagai keli kena ketuk’ dan ‘seperti keli dalam lubang’ adalah didorong oleh sifat keli yang berperanan sebagai objek perlambangan dalam peribahasa. Pengamatan masyarakat Melayu terhadap sifat ikan keli dalam pemakanan Melayu, telah mempengaruhi pemberian sifat yang berunsur negatif dalam makna harfiahnya. Bagi tujuan analisis, perbincangan pada peringkat ini akan menumpukan peribahasa ‘bagai keli kena ketuk’ yang membawa makna ‘bersungut-

sungut dengan tiada tentu hujung pangkalnya’. Rajah 4 adalah gambaran yang lebih jelas tentang proses yang memotivasikan kognitif penutur Melayu dalam mencipta peribahasa ini.



RAJAH 4. Gambaran proses yang memotivasikan kognitif peribahasa ‘bagai keli kena ketuk’

Melalui Rajah 4, penilaian pertama gambaran kognisi penutur adalah berdasarkan latar dan sifat ikan keli itu sendiri. Ikan keli merupakan sejenis ikan air tawar yang lazimnya ditangkap menggunakan kaedah tradisional. Antara alat yang digunakan untuk menangkap ikan ini ialah serkap atau lukah yang kebanyakannya dibuat daripada buluh. Apabila ditangkap, ikan ini akan menggelupur atau bergerak-gerak dengan kencang. Oleh kerana ikan ini bersifat licin, maka sukar untuk orang memegangnya, dan salah satu cara untuk mendiamkan atau mematikan ikan ini adalah dengan cara mengetuknya. Apabila diketuk, ikan ini akan mengeluarkan bunyi seperti bunyi sungutan (Sapinah 2013).

Ciri-ciri tersebut telah memotivasikan penciptaan peribahasa ‘bagai keli kena ketuk’ yang membawa maksud ‘bersungut-sungut dengan tiada tentu hujung pangkalnya’. Maksud yang digambarkan dalam peribahasa ini menyerupai

perbuatan seseorang yang suka merungut. Mengikut tafsiran yang diberikan, merungut merujuk kepada perbuatan ‘bercakap panjang-panjang dengan tidak menentu tujuannya’ (KD4 2005). Setiap tindakan atau perilaku akan melahirkan kesan positif mahupun negatif. Hal ini jelas dinyatakan dalam konsep ‘*Law cause of effect*’, apabila seseorang itu melontarkan sesuatu yang bersifat negatif, maka ia akan menyerap kembali elemen negatif tersebut (Francine 2014). Kemasukan elemen negatif dalam diri akan menyebabkan sistem pertahanan badan terganggu. Seandainya keadaan ini terus diamalkan dalam diri, dalam jangka masa panjang akan mendatangkan masalah kesihatan yang serius. Walau bagaimanapun, kata-kata yang positif pula akan merangsang tindak balas yang positif terhadap tubuh badan. Elemen positif yang disalurkan akan memberi signal yang baik kepada minda dan seterusnya memberikan kesan positif terhadap kesihatan tubuh badan.

Sehubungan itu, boleh dikatakan ‘merungut’ merupakan salah satu perbuatan yang boleh melahirkan tindak balas negatif dalam diri. Sifat ini secara jelas perlu dielakkan kerana memberikan kesan yang tidak baik terhadap kesihatan fizikal dan mental seseorang. Begitu juga dengan ikan keli. Sifatnya yang ‘bisa’, boleh mendatangkan masalah kesihatan kepada individu tertentu yang memakannya. Oleh yang demikian, boleh dikatakan penciptaan peribahasa yang berasaskan ‘ikan keli’ turut dipengaruhi oleh unsur makanan yang dikandunginya. Perkara yang jelas adalah sesuatu yang bersifat tidak baik (sifat merungut dan sifat bisa ikan keli) seharusnya dielakkan bagi menjamin hidup yang sihat.

Pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus, telah mengetengahkan konsep ‘bisa’ ikan keli dan seterusnya diaplikasikan melalui pemetaan RRS.


(iii) Gamat juga dibuatnya petang itu sedangkan
bisa sengat ***keli*** sudah terasa merayap
naik ke ketiak kanan... Semalaman aku tidak
tidur kerana sengat keli benar-benar mengamuk.

(iv) “Kaki pakcik kena potong. Sebab disengat ikan
keli. Bengkaknya semakin menjadi-jadi. Doktor
cakap kalau tak dipotong makin melarat.”

Sumber: (sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/)

Ayat (iii) merupakan contoh penggunaan ‘ikan keli’ yang terdapat dalam data korpus. Dalam ayat tersebut, leksikal ‘ikan keli’ telah dirujuk silangkan dengan leksikal ‘bisa’ dan ‘sengat’ serta frasa ‘merayap naik ke ketiak kanan’ dan ‘semalaman aku tidak tidur’. Merujuk kepada KD4 (2005), perkataan ‘bisa’ bermaksud bahan beracun yang terdapat pada sesetengah jenis binatang. Bisa ini akan menyebabkan seseorang itu berasa amat sakit sehingga tidak mampu untuk menahannya. Perkataan ‘sengat’ pula merujuk kepada sejenis alat yang tajam, yang dimiliki oleh beberapa jenis serangga dan binatang. Berdasarkan konteks ayat (iii), situasi yang cuba digambarkan menerusi ayat tersebut adalah sakit bisa yang disebabkan oleh terkena sengatan ikan keli. Sengatan itu telah menyebabkan rasa sakit yang merebak hingga ke bahagian ketiak sebelah kanan serta membuatkan seseorang yang mengalaminya tidak dapat tidur semalaman.

Begitu juga yang digambarkan melalui data korpus yang diperoleh dalam ayat (iv). Ayat ini menunjukkan penceritaan terhadap kesan akibat terkena bisa sengatan ikan keli. Berdasarkan data korpus tersebut, ungkapan ‘kaki pakcik kena potong’, ‘bengkaknya semakin menjadi-jadi’, kalau tak dipotong semakin melarat’ telah dirujuk silang dengan ‘ikan keli’. Berdasarkan ayat ini, ketiga-tiga ungkapan tersebut merupakan kesan buruk yang diterima akibat sengatan oleh ikan keli. Ikan keli merupakan sejenis ikan yang mempunyai sengat, yang menyebabkan seseorang itu perlu berhati-hati ketika ingin menangkapnya. Gambar 1 menunjukkan gambaran visual imej sengat yang ada pada ikan keli.



GAMBAR 1. Visual ‘sengat’ ikan keli

Sumber: Imej Carian Google

Sengat yang mengenai badan seseorang akan menyebabkan kesan bengkak dan rasa kesakitan

yang berdenyut-denyut. Walau bagaimanapun, bagi masyarakat Melayu, terdapat beberapa petua bagi merawat bisa akibat terkena sengatan ikan keli ini. Antara petua yang digunakan adalah dengan meletakkan sedikit asam jawa di tempat yang terkena sengatan. Menurut Heyne (1987), asam jawa kaya dengan kalium, silikon, natrium, fosfor, dan kalsium, yang sangat diperlukan oleh tubuh manusia. Kandungan 'tanin' dalam asam jawa merupakan antiseptik yang berkesan. Antiseptik yang terdapat dalam asam jawa berfungsi untuk membunuh atau mencegah pembiakan bakteria pada permukaan kulit yang telah terkena sengatan ikan keli. Berdasarkan pembuktian data korpus, boleh dikatakan salah satu faktor pengelasan ikan keli sebagai ikan berbisa ialah disebabkan oleh 'sengatnya'. Analisis tidak berhenti sekadar penganalisan tahap satu dan kedua sahaja. Analisis bahagian seterusnya akan menghuraikan akal budi dan falsafah orang Melayu melalui penciptaan peribahasa yang berobjekkan 'ikan keli'. Persoalan selanjutnya adalah mengapa ikan keli? Mengapa bukan ikan yang lain?

Analisis Tahap 3

Ikan keli merupakan ikan yang dikategorikan sebagai ikan yang 'berbisa', sama seperti ikan baung, ikan pari, ikan duri, ikan sembilang dan lain-lain lagi. Menurut Laderman, C. (1984), bisa merujuk kepada faktor yang memperkuat keadaan yang tidak harmoni yang sedia ada dalam badan. Makanan bisa mempunyai keupayaan untuk lebih memburukkan keadaan yang sedia ada. Kesan bisa dapat dirasakan apabila keadaan yang tidak harmoni wujud (Hashim Awang 1998). Hal ini disebabkan ketahanan badan seseorang sangat mempengaruhi tindak balas sesuatu makanan.

Merujuk Jadual 3, ketiga-tiga contoh peribahasa menunjukkan gambaran sifat yang tidak baik. Peribahasa 'bagai keli kena ketuk' dan 'seperti keli dalam lubang' membawa maksud 'sifat seseorang yang suka merungut', manakala peribahasa 'bagai keli dua selubang' pula merujuk kepada sifat seorang perempuan yang curang. Ketiga-tiga elemen pemaknaan yang ditandai melalui objek 'ikan keli' secara jelas menunjukkan tafsiran terhadap sifat yang negatif. Pencirian sifat negatif ini boleh dikaitkan dengan sifat 'ikan keli' yang berbisa. Ikan keli sememangnya kaya dengan kandungan omega 3 (8.8 %), yang membantu meningkatkan banyak fungsi sel. Selain itu, asid lemak omega 3 juga

membantu mengurangkan kepekatan kolesterol jahat dalam aliran darah serta meningkatkan kepekatan kolesterol baik dalam aliran darah (Renertsen, H. & Haaland, H. 1995). Walau bagaimanapun, di sebalik khasiatnya, ikan ini juga ada kalanya tidak sesuai dimakan oleh individu tertentu disebabkan sifatnya yang memudaratkan.

Selain omega 3, ikan keli juga mengandungi lebih daripada 15.0% kandungan omega 6 (Renertsen, H. & Haaland, H. 1995). Berdasarkan pendapat seorang pengawal perubatan, Dr Adeolu (Anon 2017), penggunaan ikan keli yang berlebihan boleh meningkatkan peluang untuk mendapat penyakit kardiovaskular. Hal ini disebabkan oleh kandungan asid lemak omega 6 yang boleh meningkatkan tahap keradangan dalam badan. Keradangan merupakan penyebab utama penyakit kardiovaskular, kanser dan kencing manis. Selain mengandungi omega 6, ikan keli turut mengandungi kandungan merkuri. Jadual 5 menunjukkan kandungan merkuri dalam ikan keli.

JADUAL 5. Kandungan merkuri dalam ikan keli

SPECIES	MEAN $\mu\text{g/g}$
Catfish (ikan keli)	0.146

Sumber: Food and Drug Administration (FDA)

Menurut FDA, ikan keli tergolong dalam kumpulan ikan yang mengandungi kandungan merkuri tahap rendah. Namun begitu, FDA mengesyorkan pengambilan ikan yang mengandungi merkuri hanya boleh dilakukan dua kali seminggu, iaitu kira-kira 340 gram seminggu (Mcnight, C. 2017).

Selain kandungannya, elemen 'bisa' ikan keli bagi masyarakat Melayu adalah disebabkan 'sengat' (*stings*) yang dimilikinya. Bukan setakat perlu berhati-hati dalam memakannya, tetapi seseorang itu juga perlu berhati-hati ketika menangkapnya. Sengat yang terdapat pada ikan keli berfungsi sebagai mekanisme pertahanan dirinya. Racun yang terkandung dalam sengat ikan keli bersifat kompleks hemolitik dan dermonekrotik (Dorooshi, G. 2012). Kesan sengatan ikan keli akan menyebabkan seseorang itu berpeluh, mual, muntah, pening, sesak nafas serta boleh menyebabkan berlakunya radang di sekitar tempat yang terkena sengatan. Terdapat beberapa cara untuk melegakan kesakitan akibat sengatan ikan keli. Antara cara yang paling mudah adalah dengan merendam tempat yang terkena sengatan dengan air panas. Sengat yang memasuki permukaan kulit perlu dikeluarkan secepat mungkin.

Luka yang disebabkan oleh sengat tersebut perlu dibasuh dengan air bersih. Antibiotik juga perlu diambil sekurang-kurangnya selama lima hari. Selain itu, individu tersebut juga boleh mengambil sketaminofen (*scetaminophen*) (*Tylenol*) setiap empat jam atau ibuprofen (*ibuprofen*) (*motrin, advil*) setiap enam hingga lapan jam (Haines, C. 2006).

Berbalik kepada peribahasa keli, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3, didapati bahawa terdapat falsafah dan akal budi di sebalik penciptaan peribahasa tersebut. Ketiga-tiga peribahasa yang dicontohkan memperihalkan sifat negatif yang tidak seharusnya diteladani oleh manusia. Peribahasa 'bagai keli kena ketuk' mencerminkan tingkah laku atau sifat individu yang gemar untuk bersungut/merungut. Sifat merungut-rungut ketika melakukan pekerjaan, bukan sahaja menunjukkan seseorang itu tidak ikhlas dalam bekerja, tetapi juga memberikan kesan 'sakit', 'tidak selesa', 'bisa di hati' dan sebagainya bagi orang lain yang terlibat. Begitu juga dengan peribahasa 'bagai keli dua selubang'. Sifat curang seorang perempuan atau isteri pastinya meninggalkan rasa 'sakit', 'bisa', 'pedih', 'derita' dan sebagainya pada seorang lelaki atau suami. Sifat 'bisa' pada ikan keli bukan hanya digambarkan melalui sengat yang dimilikinya tetapi sifat 'bisa' itu juga menjadi makna implisit yang cuba disampaikan oleh penutur kepada pendengar secara berlapis. Justeru, sebagaimana ikan keli yang sifatnya berbisa ini perlu dielakkan pemakanannya, begitu jugalah dengan sikap tidak ikhlas dan curang ini perlu dihindari. Falsafah yang ingin disampaikan melalui peribahasa ini ialah sifat buruk yang boleh menyebabkan orang lain sakit atau tersakiti perlulah dibuang daripada dalam diri.

IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan, gambaran 'sifat' dalam peribahasa, terhadap kedua-dua unsur dipengaruhi oleh unsur pemakanan yang dikandungnya. Hal ini jelas seperti yang terdapat dalam peribahasa berobjekkan makanan 'berangin'. Pengambilan makanan yang mengandungi unsur 'angin', seperti makanan 'labu' boleh memudaratkan kesihatan seseorang. Kesan-kesan negatif daripada memakan makanan daripada unsur 'berangin' menyebabkan masyarakat Melayu telah menggagaskannya sebagai sifat yang tidak baik seperti [+ sombong], [+ angkuh] dan [+ tidak adil] yang turut mendorong kepada kesan yang tidak

baik dalam kehidupan. Hal ini sejajar dengan jenis makanan ini, yang boleh mendatangkan kesan yang tidak baik terhadap kesihatan, terutamanya individu yang alah terhadap makanan unsur ini.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peribahasa yang berobjekkan makanan yang mempunyai unsur 'bisa' juga menggagaskan sifat yang tidak baik dalam aspek pemaknaannya. Kandungan mesej yang tidak baik, yang disampaikan melalui peribahasa berobjekkan ikan 'keli' dilihat selari dengan pengkelasan makanan oleh masyarakat Melayu terhadap makanan ini. Ikan keli dikelompokkan sebagai makanan yang berbisa dan boleh menyebabkan kemudaratkan, khususnya kepada individu yang sedang mengalami masalah kesihatan. Pengaruh unsur 'bisa' yang dikandungi oleh ikan keli telah digagaskan sebagai sifat negatif seperti [+ merungut] dan [+ curang] oleh masyarakat Melayu pada masa dahulu.

KESIMPULAN

Masyarakat Melayu pada masa dulu mengadaptasi peribahasa daripada pelbagai aktiviti kehidupan. Justeru, banyak pengajaran yang boleh dicungkil di sebalik peribahasa. Ketajaman pemikiran orang Melayu pada zaman dahulu, falsafah hidup yang dipegang oleh orang Melayu tidak sekadar bersandarkan pengalaman berhubung dengan alam semula jadi tetapi juga pegangan agama yang kukuh. Hakikatnya penciptaan peribahasa bukanlah bersifat sewenang-wenang, tetapi merupakan satu ketelitian daripada ketajaman minda serta pengalaman yang luas terhadap sesuatu perkara. Ilmu yang digarap daripada peribahasa merupakan ilmu yang beracukan pemikiran. Kajian berlandaskan korpus dan semantik inkuisitif telah berjaya membuktikan bahawa telah wujudnya hubungan antara makanan, rupa dan objek khususnya makanan berunsur angin dan bisa.

RUJUKAN

- Al-Quran, Al-Qasas: 60
 A.K Mohammad & Mohd. Azmi. 2015. *Ikan Air Tawar di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Abdul Samad. 1983. *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Abdullah Hassan. 1993. Bahasa Kiasan. *Jurnal Dewan Bahasa* 37(10): 907-913.

- Acquaah, G. 2012. *Principles of Plant Genetics and Breeding*. New Jersey: Wiley-Blackwell.
- Ahmad Fuad Mat Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2010. Pengkategorian Peribahasa Melayu Berdasarkan Aspek Nilai dan Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik. <http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01> [10 Februari 2016].
- Ahmad Hakimi & Wan Abdul Kadir. 2006. *Makanan dalam Masyarakat dan Budaya Melayu*. <http://eprints.um.edu.my/> [29 April 2015]
- Aishah @ Eshah Mohamed & Abd Aziz Hj. Bidin. 2010. Makanan dan kepercayaan tentang etiologi penyakit: Kes orang Melayu Kelantan. *Jurnal Melayu* 5: 29-46.
- Anisah. 2007. *Ensiklopedia Perbidanan Melayu*. Batu Caves: Utusan Publications & Distributions.
- Anon. 2017. Be Warn: Catfish Intake Is Dangerous to Health-Expert. <https://urhobotoday.com/?p=26760> [20 September 2017]
- Audrey Richards. 1939. *Land, Labour and Diet in Northern Rhodesia*. Germany: LIT Verlag Munster.
- Charteris-Black, J. 2000. Figuration, lexis and cultural resonance: a corpus based study of Malay. *Journal of Pragmatic* 10(3): 281-300.
- Che Wan Jasimah. 2000. *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan Pendekatan Islam dan Sains*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/.
- Dorooshi, G. 2012. Catfish stings: A report of two cases. *Journal of Research in Medical Sciences* 17: 578-581.
- Esbaum, G. 2009. *Seed, Sprout, Pumpkin, Pie*. Washington: National Geographic.
- Faszly, Wan Nasyrudin & Aminah. 2017. *Indahnya Pemakanan & Perubahan Islam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Francine Huss. 2014. *Think Better. Live Better.: 5 Steps to Create the Life You Deserve*. Arizona: She Writes Press.
- Geertz, C. 1973. *The Interpretation of Cultures*. New York: Basic Book.
- Goddard, C. 2009. Like a Crab Teaching Its Young to Walk Straight. Dlm. Senft, G & Basso, E.B. (penyt.). *Ritual Communication*: 103-119. London: Bloomsbury Publishers.
- Grant, D. 1984. *Food Combining for Health*. New York: Thorson's Publication.
- Haines, C. 2006. Catfish Sting Treatment. <http://www.emedicinehealth.com> [10 September 2017].
- Hashim Awang A.R. 1988. *Fenomena*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu.
- Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar. 2016. Penginterpretasian Peribahasa dan Hubungan dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Bahasa* 16 (1): 94-119.
- Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Siri Monograf Akademi Kajian Ketamadunan. Bangi. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hean Chooi Ong. 2003. *Sayuran: Khasiat Makanan & Ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Heyne. 1987. *Tumbuhan Berguna Indonesia*. Jakarta: Yayasan Sarana Wana Jaya.
- Imran Ho Abdullah. 2011. Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (canis familiaris). *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 11(1): 125 – 141 <http://www.ukm.my/ppbl/Gema> [15 September 2017].
- Indirawati Zahid. 1998. Peribahasa Melayu: satu klasifikasi yang tiada penentu. *Dewan Bahasa* (November): 978-984.
- Iskandar. 2015. *Tanam Sendiri Timun Edisi Sendiri*. Iskandar Publication Sdn. Bhd.
- Junaini, Nor Hashimah & Wan Nurasikin. 2016. Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation* (Iman) 4(1): 31-42.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Istimewa Peribahasa Melayu. 1975. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalila & Faizal. 2016. Makanan dalam Pembayang Pantun Melayu: Satu Wacana dari Perspektif Gastronomi. *Jurnal Melayu* 15(1): 1-13.
- Laderman, C. 1984. Food Ideology and Eating Behavior Contributions from Malay Studies. *Social Science and Medicine* 19(5): 547-560.
- Mallery, Garrick. 1888. Manners and meals. *American Anthropologist* 1(3): 193-207.
- Mcnight, C. 2017. Which Fish Contains the Least Amount of Mercury? <http://www.livestrong.com> [4 Oktober 2017].
- Nathesan, S. 1998. Simpulan bahasa: satu tinjauan dari sudut makna. *Dewan Bahasa* (November): 985-994.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Renertsen, H. & Haaland, H. 1995. *Sustainable Fish Farming*. USA: CRC Press.
- Rogayah Othman. 2011. Peluasan Makna Pancaindera Hidung, Mata dan Mulut dalam Melayu: Kajian Semantik Kognitif. Tesis Dr Fal, Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salinah. 2005. Fungsi Leksikal “Bunga” dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa* 5(4): 40-66.
- Sapinah Haji Said. 2013. *Kamus peribahasa Melayu*. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi.Sdn. Bhd.
- Shariffah Suraya. 2013. *Penjagaan Kesihatan Wanita: Amalan Tradisi dan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smith, W.R. 1889. *Lectures on the Religion of the Semites*. London: Transaction Publishers.
- Weber, M & Beaufort, L. F. 1965. *The fishes of the Indo-Australian Archipelago*. Leiden: EJ. Brill.
- Zaitul Azma & Ahmad Fuad. 2011. Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *Journal of Language Studies* 11(3): 31-51.
- Zaitul Azma. 2017. Nilai Pendidikan dan Kebijakan Masyarakat Melayu dalam Pantun dan Peribahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation* (Iman) 5(2): 73-86.
- Zurakintan & Che Ibrahim. 2015. Pemikiran Melayu Tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation* (Iman) 3(2): 121-129.

Julaina Binti Nopiah
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor
julainanopiah@gmail.com

Nor Hashimah Binti Jalaluddin
Profesor
Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor
E-mel: shima@ukm.edu.my

Junaini Binti Kasdan
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor
E-mel: junaini@ukm.edu.my

Diserahkan: 5 Oktober 2017
Diterima: 4 Januari 2018